

**Gerakan Minta Guan Eng Perjelaskan Isu Kilang Panel Solar
Bernama
27 Mac, 2012**

GEORGE TOWN, 27 Mac (Bernama) -- Pemuda Gerakan Pulau Pinang meminta Ketua Menteri Lim Guan Eng memberi penjelasan secara terperinci berhubung projek pembinaan kilang panel solar di Batu Kawan.

Ketua Biro Aduan dan Perkhidmatan Pemuda Gerakan Pulau Pinang Rich Too berkata Pemuda Gerakan telah beberapa kali meminta Lim membuat penjelasan tetapi jawapan yang diberikan tidak menepati soalan yang dibangkitkan.

"Kita mahu penjelasan berhubung kesan terhadap alam sekitar dan apa tindakan kerajaan negeri bagi mengelak insiden tidak diingini daripada berlaku. Kita juga risau kerana kawasan itu sangat hampir dengan kediaman penduduk," katanya kepada pemberita di sini Selasa.

Bosch Group dari Jerman dilaporkan akan melabur RM2.2 bilion bagi membina kilang pengeluaran panel solar itu.

Too berkata Gerakan tidak menentang teknologi solar itu tetapi kerajaan negeri pimpinan DAP seharusnya memastikan kilang itu dibina di kawasan yang betul dan tidak mendatangkan mudarat kepada penduduk dan ekosistem.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655096>